



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** dalam Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan yang berkaitan yang masih sah laku serta mempunyai **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) berstatus Patuh** untuk membuat tawaran Sebut Harga berikut :-

BUTIRAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG BEKALAN/PERKHIDMATAN (KKM)	TEMPOH PELAWAAN
RUJUKAN SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/15/2026 SEBUT HARGA LANTIKAN PEMBEKAL BAHAN BINAAN, BAHAN KONKRIT, PELBAGAI BATUAN & PASIR SERTA KAYU YANG DIGERGAJI DAN LAIN-LAIN PERALATAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN TAHUN 2026	090101 – BAHAN BINAAN (TARAF BUMIPUTERA SAHAJA) HARGA BORANG : RM 20.00	TARIKH PELAWA : 08 FEBRUARI 2026 TARIKH TUTUP : 15 FEBRUARI 2026 MASA : 12.00 TENGAHARI

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli di **UNIT PEROLEHAN, MPLBP** mulai **08 FEB. 2026 hingga 15 FEB. 2026** pada ketetapan masa **08.00 Pagi – 04.30 Petang (Ahad – Rabu)** dan **08.00 Pagi – 03.00 Petang (Khamis Sahaja)**. Bawa bersama salinan sijil SSM semasa membeli dokumen dan sesalinan penyata bank atau membeli borang secara dalam talian dengan cara **imbas QR** dibawah.
3. Tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH D.A.** serta di hantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **15 FEB. 2026**.
4. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
5. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutarga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutarga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD HAMRI BIN ABIDIN.,AMK.,BCK)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan



SILA IMBAS

Experience
KEDAH